

# Ilmu keibubapaan jamin tarbiah anak

Perkongsiannya penting dalam merealisasikan matlamat pendidikan keluarga

B.H 16/3/07 M/S 15



## Jendela Hikmah

Oleh Rosnah Ahmad

**B**ELAJAR rajin-rajini, abah tak ada harta dan ilmu adalah harta paling berharga yang abah boleh tinggalkan kepada anak.

Begitulah ungkapan yang sering dilafazkan oleh ayah ketika kecil dan ia adalah motivasi paling berkesan kepada diri saya hingga ke hari ini, terutama selepas mempunyai anak sendiri.

Abah dan arwah emak dalam kepayahan hidup sentiasa berkorban dan berusaha untuk mendidik kami adik beradik. Pilu mengingatkan bagaimana abah yang hanya berpendapatan kecil, berkebudan dan memancing selepas pulang kerja demi menampung perbelanjaan harian dan arwah ibu bangun seawal jam 3 pagi untuk membuat kuih untuk dijual, di samping mengambil tempahan menjahit baju.

Rumah kami dulu juga tidak ada banyak perabot dan perkakas, yang ada hanya keperluan asas. Abah sering mengingatkan arwah emak supaya tidak membazir duit dan sentiasa mendahulukan pendidikan anak.

Pengorbanan dan semangat tinggi ditunjukkan ibu bapa saya mungkin juga dapat dirasakan oleh pembaca dan kita mesti sentiasa menghargai jasa ibu bapa kita. Siapa sahaja kita tanpa pengorbanan besar mereka.

masalah anak.

Mendalami ilmu memerlukan pengorbanan masa, tenaga dan wang ringgit yang bukan sedikit.

Sejak dari dalam kandungan seorang ibu bapa juga perlu banyak berkorban dengan menjaga akhlak dan ibu mendapat makanan berkhasiat serta sentiasa berdoa kepada Allah supaya anak dikandung sihat dan menjadi anak yang salih.

Anak dalam kandungan hendaklah dibacakan dengan ayat suci al-Quran supaya anak sentiasa mendengar kalimah Allah sejak dari kandungan lagi.

Proses kelahiran dan menyusukan adalah pengorbanan yang tidak terhingga seorang ibu. Ibu bapa berkewajipan memenuhi keperluan anak baik berupa kebendaan mahupun kerohanian.

Ibu bapa tidak boleh mengabaikan tanggungjawab ini. Dalam hal ini Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Seseorang telah cukup dikatakan berbuat dosa, apabila mensia-siakan orang-orang yang menjadi tanggungan makan minumannya." (Riwayat Abu Daud)

Hari ini selain daripada bapa, ramai ibu yang keluar bekerja demi memenuhi tuntutan ini. Bukan sedikit pengorbanan yang perlu kita lakukan ketika berusaha bekerja dan memastikan rezeki dicari adalah halal.

Dalam kesibukan mencari rezeki, ibu bapa tidak boleh memberi alasan membiarkan saja pendidikan agama/rohani anak.

Institusi sokongan seperti pusat asuhan kanak-kanak (taska), pusat jagaan harian, taman didikan kanak-kanak (tadika),

sekolah, pusat pengajian al-Quran dan fardu ain adalah perkongsiannya penting dalam merealisasikan matlamat pendidikan anak.

Ibu bapa perlu bijak memilih institusi untuk menghantar anak mereka. Pilihlah institusi yang menitikberatkan agama dan terutama solat kerana cara paling tepat mendidik anak mengenal Allah ialah dengan melatih mereka untuk mengerjakan solat.

Memandangkan betapa pentingnya solat sebagai jalan untuk menjadikan manusia tunduk kepada Allah, maka Nabi Ibrahim a.s memohon kepada Allah agar dirinya dan keturunannya dijadikan sebagai orang yang tetap menegakkan solat seperti firman Allah yang maksudnya: "Wahai tuhan, jadikanlah aku orang yang mendirikan solat dan (begitu juga) anak cucuku, wahai tuhan kami, terimalah doaku." (Surah Ibrahim, ayat 40)

Begitu juga Luqman, salah satu wasiat kepada anaknya seperti disebut dalam al-Quran yang maksudnya: "Hai anakku, dirikanlah solat." (Surah Luqman, ayat 17)

Dengan ini sewajarnya ibu bapa menjadikan solat sebagai pilihan utama untuk mendidik anak beraqidah tauhid. Mereka mesti terlebih dulu mendirikan solat dan sentiasa berbincang dan meneruskan kesinambungan pentarbiahan anak di rumah dan tidak menyerahkan tugas ini seratus peratus kepada pengasuh atau guru sahaja.

Anak hendaklah dibelai dengan penuh kasih sayang. Untuk tujuan ini ibu bapa mesti terlebih dulu sentiasa memperbaiki akh-

lak diri supaya anak sentiasa dilihat dengan pekerti mulia dan insya Allah terdorong untuk mencontohi ibu bapa mereka.

Hadis yang maksudnya: "Allah memberi rahmat kepada ayah yang membantu anaknya untuk berbakti kepada-Nya." (Riwayat Abu Saikh)

Dalam hal ini Allah memberi petunjuk supaya ibu bapa tidak mudah marah dan hendaklah gemar memaafkan kekeliruan anaknya seperti firman yang bermaksud: "Dan orang-orang yang menahan marah serta memaafkan orang lain dan Allah mencintai orang-orang yang berlaku baik." (Surah Al-Imran, ayat 134)

Proses pentarbiahan anak mengambil masa yang panjang dan ia sudah tentu menuntut ibu bapa untuk istiqamah dalam apa juga bentuk pengorbanan dilakukan di samping terus berdoa untuk kesejahteraan anak.

"Wahai tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami dari isteri-isteri dan keturunan kami perkara-perkara yang menyenangkan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertaqwa." (Surah Al-Furqan, ayat 74)

Setiap pengorbanan juga menuntut kita supaya melakukan perubahan bermula dengan diri kita sendiri setiap hari. Sebagai ibu bapa kita mesti sentiasa berusaha menjadi contoh kepada anak kita dan ia kunci kejayaan dalam melahirkan anak yang salih wal musleh.

Penulis adalah seorang pengusaha Taska dan Tadika. Boleh dihubungi di emel wanitajim0@yahoo.com

Konsep pengorbanan diajar kepada kita dalam al-Quran antaranya kisah Nabi Ibrahim a.s dan Siti Hajar sebagai ibu bapa serta Nabi Ismail a.s sebagai anak yang patuh dan taat kepada Allah.


Setiap ibu bapa harus bersikap gembira apabila mendapat rezeki berupa anak. Allah menceritakan di dalam al-Quran bagaimana Nabi Ibrahim a.s apabila diberi khabar oleh malaikat bahawa Allah akan mengurniakan seorang anak lelaki, lalu Nabi Ibrahim a.s menyatakan kegembiraannya dengan mengucapkan selamat sejahtera seperti firman Allah dalam al-Quran yang maksudnya: *“Dan sesungguhnya telah datang utusan-utusan Kami kepada Ibrahim dengan membawa khabar gembira, sambil mereka berkata: “Selamatlah! Dia menjawab, “Selamat!” (Surah Hud, ayat 69)*

Kegembiraan ini mestilah disyukuri dengan menyiapkan diri dan berusaha untuk menjadi ibu bapa berjaya mendidik anak yang taat dan mendapat keredaan Allah SWT. Tugas ini bukan suatu yang mudah dan ia menuntut pengorbanan besar.

*“Setiap anak dilahirkan secara fitrah, kedua ibu bapanya yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi.” (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)*

Antara pengorbanan yang perlu sentiasa dilakukan ibu bapa adalah sentiasa menimba ilmu keibubapaan tidak kira pada peringkat mana umur anak.

Ilmu sangat penting demi menjamin tarbiah anak dan kesejahteraan keluarga. Ilmu dapat membantu ibu bapa untuk lebih peka kepada tahap dan kaedah yang paling berkesan dalam pendidikan dan menangani



**DIDIKAN TERBAIK:** Ibu bapa berperanan dalam mendidik masa depan anak dari segi akhlak untuk melahirkan individu yang salih.

*“Setiap anak dilahirkan secara fitrah, kedua ibu bapanya yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi”*

Riwayat Bukhari dan Muslim

*“Wahai tuhanku, jadikanlah aku orang yang mendirikan solat dan (begitu juga) anak cucuku, wahai tuhan kami, terimalah doaku”*

Surah Ibrahim  
Ayat 40

*“Allah memberi rahmat kepada ayah yang membantu anaknya untuk berbakti kepada-Nya”*

Riwayat Abu Saikh